

# **APLIKASI KONSEP ‘ULAMA DAN INTELEKTUAL: SATU PENILAIAN KRITIS**

Oleh:  
Shukri Ahmad

## **Abstract**

*This article attempt to examine the concept of ‘ulama’ and its relationship to the concept of Muslim Intellectual. Some of the general philosophical and conceptual issues in the light of contemporary intellectual positions regarding the classical Islamic religious traditions will be highlighted. In this article, the writer mentions several basic points to support the view that all ‘ulama’ are intellectuals but Muslim Intellectual are not necessarily ‘ulama’.*

## **PENGENALAN**

Pada dasarnya, ‘ulama’ diterima sebagai golongan sarjana Islam yang menjadi pemelihara, penterjemah dan penyampai ajaran meliputi aqidah serta undang-undang Islam, bahkan mereka juga adalah penghulu agama yang bertugas menjamin kesinambungan perkembangan spiritual dan intelektual umat di sepanjang persada sejarah masyarakat Islam. Mereka pada prinsipnya merupakan pewaris para Nabi, para wali Allah (Ibrāhīm Hilāl, t.t, 252-253), penunjuk jalan kebenaran dan pengawal kemurnian agama daripada sebarang rupa bentuk penyelewengan.

Justeru itu, kemurnian Islam sangat bergantung kepada *weltanschuung* atau pandangan semesta para ‘ulama’ (Wan Mohd. Nor, 1994, 15) dan sejauhmana sedapat mungkin mereka mendekati ajaran dan mafhum al-Qur'an; merenung (*tadabbur*), mengingat (*tadhakkur*), menyedarkan (*wa 'yi*) dan menanggapi (*idrāk*) kandungannya.<sup>1</sup> “*Jika mereka baik maka baiklah masyarakat Islam. Jika mereka rosak maka rosaklah masyarakat Islam*”<sup>2</sup> (Riwayat Ibn ‘Abd al-Barr). Sebab itu mereka dianggap

<sup>1</sup> Muhammad al-Ghazali menjelaskan bahawa al-Qur'an perlu difahami secara merenung (*tadabbur*) mengingat (*tadhakkur*), menyedarkan (*wa 'yi*) dan menanggapi kandungannya (*idrāk*). (al-Ghazali, 1992, 27-29).

<sup>2</sup> Hadith riwayat Ibn Abd al-Barr ini disabdakan oleh Rasulullah sebagai berikut, maksudnya “*Dua golongan daripada umatku, apabila mereka baik maka baiklah manusia (sekeliannya) apabila mereka rosak, maka rosaklah manusia (sekeliannya), mereka itu adalah pemerintah dan ‘ulama’*” (Ibn ‘Abd Al-Barr).

perterjemah amali al-Qur'an atau dalam kata lain mereka bagaikan al-Qur'an yang bergerak di tengah-tengah masyarakat. Mengenali mereka bermakna kita akan dapat mengenali pengaruh mereka. Begitulah pula sebaliknya.

Dalam artikel ini, penulis akan cuba membahaskan mengenai pendefinisian 'ulama' yang masih menjadi kekeliruan kepada masyarakat Islam hingga kini. Seterusnya penulis akan cuba mencari persamaan dan perbezaan antara pengertian 'ulama' dengan pengertian intelektual. Perbincangan di atas dirasakan amat mustahak sebab kekeliruan mengenai "siapa 'ulama'" yang sebenarnya boleh menimbulkan banyak salah faham, kekeliruan tugas, tanggungjawab dan kredibiliti mereka sebagai golongan pewaris para nabi.

### PENGERTIAN 'ULAMA'

Kata 'ulamā' adalah bentuk *jama'* dari 'ālim, yang bererti "yang tahu" atau "yang mempunyai pengetahuan" (Ba'albaki, 1995, 745). Kata berlawanan dengan 'ilm ialah *jahl* atau jahil. *Lisān al-'Arab* menyebutkan, perkataan selain 'ulamā' ialah "ullām", yang mempunyai makna seerti dengan 'ulama'. Bagaimanapun jika sekiranya seorang 'ālim tersebut benar-benar 'ālim maka ia dinamakan 'allām atau 'allāmah (Ibn Manzūr, 1992, 371). Menurut kamus *Munjid al-Tullāb*, 'ulamā' ialah orang yang bersifat dengan berilmu pengetahuan (al-Bustāñī, 1956, 495). *Ensiklopedia Islam* pula menamakan 'ulama' sebagai "orang yang mempunyai pengetahuan" (Ensiklopedia Islam, 1994, 120).

Kata 'ilm ini, merupakan sifat Allah S.W.T. Allah S.W.T telah menyebutkan sifat diri-Nya berilmu dalam tiga bentuk kata iaitu, *al-'ālim*, *al-'alīm* dan *al-'allām* seperti firmanya:

عالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ      (al-Zumar: 39: 46),  
وَهُوَ الْخَلَقُ الْعَلِيمُ      (al-Hijr, 15: 86) dan  
عَالِمُ الْغَيْبِ      (al-Mā'idah, 5: 109).

Pada tempat yang lain Allah menyebutkan pula kata 'ālim yang dinisbahkan kepada manusia iaitu seperti kata Nabi Allah Yūsuf a.s. kepada Mālik (*Yūsuf*, 12: 55). Bagaimana pun maksud 'ālim yang dinisbahkan kepada Nabi Yusuf a.s. adalah berdasarkan ilmu yang diajar oleh Allah dan bukan sebagaimana 'ālim pada sifat Allah (Ibn Manzūr, 1992, 370).

Perkataan 'ulamā' disebut secara langsung dalam al-Qur'an sebanyak dua kali pada dua tempat iaitu dalam surah Fātir ayat 28 dan surah al-Syu'arā' ayat 197. Firman Allah (yang bermaksud):

*"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit; lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang*

*berlain-lain jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlain-lain warnanya, (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam. Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlain-lain jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah ‘ulamā’. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa, lagi Maha Pengampun.” (Surah Fātiḥ: 27-28).*

Manakala ayat dalam surah al-Syu‘arā’, Allah berfirman (yang bermaksud):

*“Tidakkah mereka yang musyrik sedarkan (kebenaran itu) dan tidakkah menjadi satu keterangan kepada mereka bahawa ‘ulama’ Bani Isrā’īl mengetahui akan kebenaran al-Qur'an itu?” (Surah al-Syu‘arā’: 197).*

Selain itu, terdapat pula ayat dalam al-Qur'an yang perkataan ‘ulama’ disebut secara tidak langsung tetapi dapat difahami mempunyai maksud “orang yang berilmu pengetahuan”. Umpamanya, ayat . والرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ . Bermaksud: “..... dan orang-orang yang bijak dalam ilmu” (al-Qur'an, Ali-'Imrān, 3:7). فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ . Bermaksud: “..... Maka bertanyalah kepada ahli al-dhikr (jika kamu tidak mengetahui).” (al-Nahl, 16: 43) dan يَرْفَعُ اللَّهُ النِّدَنَ امْنَوْا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتَوْا الْعِلْمَ درجات . Bermaksud “..... Allah meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu), beberapa darjah” (al-Mujādalah, 58:11).

Selain al-Qur'an, sebutan kata ‘ulama’ juga terdapat dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w. Sebutan kata ini diucapkan oleh Rasulullah memperihalkan golongan ilmuan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Umpamanya, hadith-hadith yang menyebutkan ‘ulama’ sebagai golongan pewaris para Nabi (Riwayat Abū Daūd, al-Tirmizi, Ibn Mājah, Ibn Ḥibbān dan al-Baihaqi), pemberi syafaat (Riwayat Ibn Mājah), pemegang amanah para rasul (Riwayat al-Dailami dalam *Musnad al-Firdaus*), pemegang amanah Allah di atas permukaan bumi (Ibn 'Abd al-Barr) dan ‘ulama’ bagai lampu-lampu atau bintang-bintang di langit (Riwayat Ahmad). Demikian juga tinta ‘ulama’ dikatakan juga lebih berat daripada darah para syuhada’ (Riwayat al-Tirmizi dan Dārimi).

Sebutan perihal ‘ulama’ oleh Nabi Muhammad s.a.w ini boleh ditinjau dalam kitab-kitab hadith yang membahaskan keistimewaan mereka umpamanya, seperti himpunan al-Qurtubi, dalam *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Fadhlihi*, himpunan Imam an-Nasā'i dalam *Kitāb al-'Ilm* (1993), himpunan Imam al-Nawawi dalam *Kitāb al-'Ilm*

*wa Adāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* (1994) dan tulisan al-Kannānī (M: 733 H) dalam *Kitāb Tadhkīrah al-Sāmi’ wa al-Mutakallim fī adāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* (t.t).

Jika ditinjau pada segi istilah, terdapat pelbagai pandangan para sarjana yang mengemukakan pengertian ‘ulama’ sama ada pengertian itu dibuat secara ringkas atau secara terperinci. Pengertian secara ringkas umpamanya diberikan oleh Sibawaih<sup>3</sup> (M:180 H/796 M) yang menerangkan ‘ulama’, sebagai orang yang tidak bercakap melainkan dia seorang ‘alim’ (Ibn Manzūr, 1992, 371). Ibn Manzūr ketika menukilkan kata-kata Ibn Jinniy menyebutkan, ‘ulama’ ialah sifat bagi orang yang berilmu, disebabkan lamanya tempoh mereka bergelumang dengan ilmu hingga seolah-olah ilmu tersebut mendarah daging (Ibn Manzūr, 1992, 371).

Jika ditinjau ‘ālim ialah kata perbuatan, *ism fā‘il*, dibentuk daripada kata transitif yang ia bukan sahaja partisipel sahih bahkan ia menandakan “kesamarataan, peralihan atau perbuatan tidak sengaja atau keadaan wujud yang lazim atau sifat kekal”, di mana membawa maksud seorang ‘alim boleh dikatakan seorang yang sentiasa, atau buat sementara beramal dengan ilmunya (Wan Mohd. Nor, 1994, 123). Hal ini diteguhkan oleh Ibn Manzūr dengan katanya, ‘ulama’ ialah orang yang beramal dengan apa yang diketahuinya (Ibn Manzūr, 1992, 370).

Manakala pentakrifan yang lebih terperinci merujuk maksud ‘ulama’ sebagai, golongan berilmu pengetahuan dalam ilmu-ilmu wahyu. Misalnya, pendefinisian oleh al-Kādiri yang menamakan ‘ālim atau - *jama*’ - ‘ulamā’, sebagai orang yang arif dengan hukum-hukum syar‘iyyah yang berlegar di sekitar kebaikan agama, sama ada dalam aspek kepercayaan atau amalan (al-Kādiri, t.t, 90).

The *Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World* juga mentakrifkan ‘ulama’ sebagai orang-orang yang mempunyai ilmu, mengkhusus kepada ilmu agama (ilmu al-Qur’ān, al-Hadith dan fiqh atau undang-undang syariah), di samping memiliki kualiti-kualiti yang sepatutnya; sebagai seorang yang percaya kepada Allah dan melaksanakan Islam (Esposito, 1995, 258). Penulis buku ‘Ulama’, *The Boon and Bane of Islamic Society* turut mentakrifkan ‘ulama’ sebagai orang ‘alim atau orang yang mendapat pendidikan tinggi dan meluas ilmunya di dalam teologi Islam (Ahmed, 1990, 2).

*Shorter Encyclopedia of Islam* juga berpendapat sedemikian dengan menyimpulkan ‘ulama’ sebagai, penjaga atau pengawal agama, iaitu terdiri dari

<sup>3</sup> Nama sebenar Sibawaih ialah ‘Amru bin Uthmān bin Qanbar atau disebut juga ‘Amru bin Qanbar. Beliau berketurunan Farsi. Sibawaih dikatakan sebagai gelaran kepada beliau dalam bahasa Farsi yang tersusun daripada dua rangkap iaitu “سيب” dan “وع” yang bermaksud buah epal yang berbau harum. Ada juga menyebut Sibawaih merupakan gabungan perkataan bahasa Farsi iaitu “si” bermaksud tiga puluh dan Bawi atau “Bawai” bermaksud haruman, bermaksud, yang memiliki tiga puluh haruman Lihat Qanbar, t.t, 4.

golongan *fuqahā’* dan *mutakallimūn* (Gibb. H.A.R dan J.H. Kramers, 1995, 599). Kedua-dua golongan ini juga dianggap sebagai badan yang mewakili pendapat masyarakat Islam atau disebut dengan perkataan *ijma’*, yang juga dianggap penentu tertinggi terhadap semua keputusan yang melibatkan masalah-masalah dalam badan-badan kehakiman Islam dan kepercayaan agama.

Bagaimanapun, pentakrifan oleh *Ensiklopedia Islam* lebih terbuka, dengan memasukkan juga golongan yang berpengetahuan dalam ilmu-ilmu kealaman sebagai ‘ulama’. Takrif yang diberikan sebagai berikut:

“Orang yang memiliki pengetahuan tentang ilmu kealaman dan ilmu agama, dan pengetahuan yang dimilikinya itu dipergunakan untuk menghantarkannya kepada rasa *khashyah* (takut dan tunduk) kepada Allah.” (*Ensiklopedia Islam*, 1994, 120).

Takrif sedemikian agak sama dengan takrif yang diketengahkan oleh al-Qannūji. Beliau menulis pendapat sarjana yang mentakrifkan ‘ulama’ sebagai “orang yang mampu menghimpunkan antara ilmu *ma’qūl* atau ilmu dapatan dengan ilmu *manqul* atau ilmu wahyu (al-Qannūji, 1978, 134). Dalam pada itu, pada al-Qannūji sendiri, ‘ulama’ diertikan sebagai orang yang berkemampuan untuk menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil-dalil, bersandarkan pengetahuan dan *thābit* (ketepatan). (*Ibid*). Orang yang berkebolehan tersebut mestilah mengetahui ilmu-ilmu alat<sup>4</sup> dan memahami al-Qur'an dan al-Sunnah dengan baik. (*Ibid*).

Jika diteliti, tidak wujud percanggahan pandangan di antara pendefinisian al-Qannūji dengan definisi-definisi sebelumnya. Definisi sebelumnya menamakan ‘ulama’ menurut klasifikasi bidang ilmu. Manakala al-Qannūji menafsirkan pengertian ‘ulama’ dari sudut kualiti berilmu. Dalam lain perkataan, definisi terdahulu meninjau dari aspek penguasaan jenis-jenis ilmu sebagai kriteria untuk bergelar ‘ulama’. Manakala definisi terkemudian, merumuskan kualiti berilmu sebagai kriteria untuk bergelar ‘ulama’.

Penulis telah menyatakan, terdapat dua perkataan ‘ulama’ yang terdapat pada dua tempat di dalam al-Qur'an iaitu, dalam surah *Fātiḥ* ayat 28 dan surah al-Syu'arā' ayat 197.<sup>5</sup> Al-Tabarī (224-310H/839-923M), ketika menafsirkan maksud ‘ulama’ dalam

<sup>4</sup> Ilmu-ilmu alat adalah ilmu-ilmu tambahan seperti ilmu bahasa atau syair. Meskipun ilmu-ilmu dianggap penting tetapi ia hanya bertugas setakat membantu memahami al-Qur'an sahaja (Esposito, 1995, 259). Menurut Farid Wajdi, ilmu alat ialah ilmu jambatan untuk memahami ilmu-ilmu usul; al-Qur'an dan Sunnah. Antara jenis ilmu tersebut ialah ‘ilm *bayān*, ‘ilm *ma’āni*, ‘ilm *badi’*, ‘ilm *al-‘arūd*, ‘ilm *al-qawāfi*, ‘ilm *al-nahw*, ‘ilm *qawānin al-kiṭabah*, ‘ilm *mantiq*, ‘ilm *ṣarf*, ‘ilm *al-lughah* dan ‘ilm *al-tasrif* (Wajdi, 1971, 616-618).

<sup>5</sup> Ayat al-Qur'an bagi kedua-dua surah ini telah disebutkan terlebih dahulu dalam artikel ini.

ayat surah Fatīr di atas menyebutkan mereka sebagai golongan yang mengenali Allah dengan sebenar-benarnya menerusi ilmu yang sempurna yang membolehkan mereka membesarakan Allah dengan sebenar-benarnya (al-Tabārī, t.t, 234).

Manakala maksud “takut” dalam ayat tersebut ialah ketakutan yang bercampur kegerunan atau *al-haibah* terhadap Allah sehingga mereka akhirnya berusaha keras untuk membesarakan perintahNya (al-Tabārī, t.t, 234).

Ketika menafsirkan ayat yang sama, Ibn Kathīr (700-774H/1301-1373M), berpendapat ‘ulama’ yang paling takut kepada Allah ialah ‘ulama’ yang mengenali Allah; yang dilakukan melalui pengamatan terhadap kejadian alam. Dalam kata lain, sifat takut dan sifat membesarakan Allah timbul setelah pengetahuan terhadap kebesaran Allah lengkap dan sempurna (Ibn Kathīr, t.t, 146; al-Sabūnī, 1989, ii, 574).

Jelaslah, ‘ulama’ adalah golongan yang mengkaji dan memahami al-Qur’ān. Menerusi pemahaman yang sempurna tersebut mereka mengenali Allah dengan sebenar-benarnya. Pemahaman yang sempurna berlaku apabila mereka membuat pemerhatian kepada alam, yang natijah dari itu mereka merasai hakikat kebesaran Allah dan menimbulkan rasa takut dan ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benarnya. Qutb (1906-1966) menegaskan mereka merupakan golongan ‘ulama’ yang menghubungkan ilmu kealaman dengan kebesaran ketuhanan (Qutb, 1986, iv, 2943). Sepertimana disebutkan Ibn Juraij<sup>6</sup> (80-150H/699-768M) yang meriwayatkan dari ‘Aṭā’ (M.114 @ 115), “barang siapa yang takutkan Allah dia adalah orang alim” (al-Qurtubī, t.t, ii, 49).

Pengarang kitab *Tafsīr al-Futūḥāt al-Islāmiyyat* menyebutkan ayat ini sebenarnya membicarakan kedudukan darjah orang yang paling takut di sisi Allah dari kalangan manusia. Al-‘Ajili (M.1204 H) menjelaskan, setelah Allah menerangkan kepelbagaiannya tingkatan, martabat dan sifat-sifat mereka sama ada secara terang (*taṣrīh*), atau secara perumpamaan (*tamthīl*), Allah kemudiannya memeringkatkan pula kedudukan mereka di sisiNya iaitu merujuk tingkatan orang yang paling takut kepadaNya. Orang yang disifatkan paling takut kepada Allah ialah orang yang mengenaliNya dan segala kelayakan bagiNya; meliputi pengetahuan tentang sifat-sifat dan perbuatan (*af’āl*) Tuhan. Maknanya, fokus *khashyah* pada ayat ini ialah pengetahuan terhadap *Makhsya* atau Allah dan berilmu pengetahuan terhadap *syu’ūn* Allah atau keadaan Allah (al-‘Ajili, t.t, iii, 494). Lantaran itu, dapat dikatakan orang yang paling mengetahui adalah orang paling takut kepada Allah. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w yang berbunyi “أَنِي أَخْشَاكُمْ لَهُ وَاتَّقَاكُمْ لَهُ” Maksudnya: “aku yang paling takut daripada kamu dan paling bertakwa kepada Allah” (al-‘Ajili, t.t, iii, 494).

<sup>6</sup> Ibn Juraij pada asalnya bernama Abdul Mālik bin Juraij merupakan seorang ahli hadith, ahli tafsir, faqih dan hafiz. Beliau berasal dari keturunan Rum tetapi dilahirkan di Makkah. Lihat Khalah, 1994, juz 2, 318.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa asas kepada pengertian ‘ulama’ dalam ayat ini ialah pemilikan ilmu pengetahuan sama ada ilmu *Kawniyyah*; kealaman atau *shar‘iyyah* yang berupaya mendedah kebesaran, kekuasaan atau sifat; sifat-sifat dan *af‘āl*; perbuataan-perbuatan Allah yang akhirnya dapat menghantar kepada perasaan *khashyah* kepadaNya.

Sementara erti ‘ulama’ dalam ayat 197, surah al-Syu‘arā’ pula pada asasnya merujuk kepada orang yang memiliki pengetahuan tentang kitab-kitab suci, iaitu merujuk kepada ‘ulama’ Bani Isra’il. Al-Tabari (224-310H/839-923M) menafsirkan ayat ini dengan menceritakan perihal ‘ulama’ Bani Isra’il yang memahami kitab-kitab suci. Pada mulanya mereka ini menunggu penurunan al-Qur’an dan kelahiran Rasulullah s.a.w. Namun setelah penurunan al-Qur’an mereka berubah sikap menjadi engkar kepada Allah kerana dikuasai sifat takabbur dan somborg. Pengetahuan mereka tentang ketibaan Rasul akhir zaman dan penurunan al-Qur’an didedahkan oleh ‘Abdullah bin Salām dan Salmān al-Fārisī (Sayed Qutb, 1986, V, 2617; al-Tabari, t.t, ii, 26). Menurut al-‘Ajili lagi, antara ‘ulama’ Bani Isra’il mendedahkan pengetahuan ‘ulama’ Bani Isra’il tentang kitab suci ialah ‘Abdullah bin Salām, Asad, Asid, Tha‘labah dan Ibn Yāmin. Kelima-lima mereka adalah ‘ulama’ Bani Isra’il yang telah memeluk Islam (al-‘Ajili, t.t, 293). Kesimpulan dari ayat kedua ialah pengertian ‘ulama’ adalah merujuk kepada golongan yang mewarisi pengetahuan tentang kitab suci atau golongan yang memiliki pengetahuan khusus mengenai ilmu-ilmu wahyu.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas dapat dirumuskan, ‘ulama’ adalah orang-orang yang memiliki pengetahuan serta pendidikan tinggi dalam ilmu agama *ilm manqūl*, atau ilmu kealaman yang bersumberkan al-Qur’an dan boleh menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil, berasaskan pengetahuan dan *thābit*. Ilmu pengetahuan yang dimilikinya itu mestilah bertujuan membesar Allah, mengenali sifat dan *af‘āl*Nya dan dipergunakan untuk menghantarkannya kepada rasa *khashyah* (takut dan tunduk) kepada Allah.

Sementara ‘ulama’ yang berpengetahuan tinggi dalam ilmu kealaman merupakan ‘ulama’ yang akan dapat memantapkan lagi kewibawaan dan kredibiliti diri mereka sendiri. Ada waktunya pengetahuan dalam ilmu kealaman pada bidang-bidang tertentu turut menjadi pra-syarat bagi seorang ilmuan untuk menjadi ‘ulama’ seperti pengetahuan terhadap ilmu-ilmu alat dan ilmu-ilmu *Kawniyyah*.

## ‘ULAMA’ DAN INTELEKTUAL

Dua perkataan yang signifikan untuk dibincangkan di sini ialitu istilah ‘ulama’ dan intelektual. Pada penulis, kedua-dua istilah ini perlu ditinjau bagi mencari garis persamaan dan perbezaan kedua-duanya. Perbezaan dan persamaan kedua-dua pengertian ini akan akhirnya dapat menentukan makna dan pengertian sebenar ‘ulama’

itu sendiri. Bagaimanapun penulis tidak berhasrat untuk membahaskan pengertian intelektual secara kritikal dan mendalam kerana perbincangan utama dalam kajian ini bukan bersifat perbahasan epistemologi sebaliknya hanya meminta penulis sekadar menyorot pengertian intelektual secara sepintas lalu sahaja.

Pada umumnya kedua-duanya kelihatan mempunyai persamaan pada sudut, makna keilmuan, berpengalaman dan kebolehan menganalisa. Jika ditinjau, kata intelektual adalah berasal dari kata *intellect*, yang kadangkala bermaksud kewarasan “*reason*”, pemikiran “*thinking*”, atau disebut akal (‘*aql* dalam bahasa Arab. Ia juga dinamakan *nous*, mengikut faham *Platonism* dan *Neoplatonism*. Ianya merupakan suatu fakulti yang wujud dalam tubuh manusia yang merupakan penjelmaan kewujudan atau spirit (*The Concise Encyclopedia of Islam*, 1989, 45).

Kata intelektual pula didefinisikan secara umumnya sebagai “*such person having a good intellect; enlightened*” (*Oxford Dictionary*, 1969) iaitu seseorang yang mempunyai daya intelek yang baik; bebas dari kejahilan. Intelektual pada pengertian ini bermaksud seseorang yang berpendidikan dan mempunyai kebolehan tinggi dalam satu cabangan atau beberapa cabang ilmu. *A Dictionary of the Social Sciences* pula menyebut, intelektual ialah, “*kelompok yang berbeza dengan anggota masyarakat lain kerana pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka*”. (Badawi, 1986, 222). Manakala al-Attas mentakrifkan intelektual sebagai “*a person who is engaged in thinking about ideas and non-material problems using the faculty of reason*” (al-Attas, 1977, 8). Pendapat al-Attas ini menamakan intelektual sebagai golongan pemikir yang berbicara hanya mengenai idea dan persoalan-persoalan yang melibatkan bukan benda. Definisi intelektual yang lebih komprehensif disebutkan oleh *The Encyclopedia of Religion* sebagai berikut:

“intelectuals are persons who produce or intensively study intellectual works. Intellectual works are coherent complexes of symbolic configurations that deal with the serious or ultimately significant features of the cosmos, the earth, and human beings. An intellectual work is unified by logical connectedness and the substantive identity of its subject matter, and it is set forth in a conventional form” ( Eliade, 1987, 259).

Takrifan-takrifan di atas menunjukkan, semua golongan - Islam atau bukan Islam, berpengetahuan agama (ilmu wahyu) atau tidak, bermatlamat ketaquaan atau sebaliknya - adalah intelektual jika mempunyai daya intelek yang tinggi - tidak semestinya formal - dalam cabangan ilmu; sama ada melibatkan ilmu kosmos, ilmu alam tabii atau ilmu kemanusiaan, di mana pengalaman dan pengetahuan itu menyebabkan mereka berbeza dengan anggota masyarakat lain.

Manakala intelektual Islam pula dikatakan terdiri dari kelompok yang mempunyai daya intelek, ilmu, akhlak, kepimpinan dan pandang-semesta yang

berorientasikan Islam. Sahri Bahri *et. al.* mencirikan golongan intelektual Islam sebagai berikut. Pertama, berpelajaran dan berpendidikan - tidak semestinya melalui pengajian formal. Kedua, mempunyai visi atau matlamat dan hala tuju yang jelas. Ketiga, mempunyai iltizam yang kuat dalam membentuk kepercayaan Islam dan nilai-nilai budaya. Keempat, jelas “*world-view*”. Kelima, produktif dan bersedia untuk berkorban kepada masalah-masalah agama. Keenam, bersifat pemikiran kritikal - tidak menjadi pengikut membuta tuli. Ketujuh, mempunyai kepimpinan yang baik, eksekutif dan memiliki kualiti-kualiti kepimpinan. Kelapan, Kreatif dan inovatif. Kesembilan, berkebolehan mempengaruhi dan menyampaikan pendapat. Kesepuluh, mempunyai watak yang halus serta sentiasa terbuka menerima teguran dan sentiasa muhasabah diri (Sahri Bahri, *et. al.*, 1989, 459).

Pada Sardar, Intelektual Islam adalah sekelompok orang Islam yang berpendidikan, mempunyai keistimewaan pencapaian terhadap nilai-nilai budaya, dan dengan kerana itu, mereka boleh mendapat kedudukan dalam kepimpinan. Beliau menyebutkan, “..... by intellectual we means that segment of educated Muslims who have special access to cultural values, and who, therefore, can take positions of leadership” (Sardar, 1979, 67). Berpendidikan semata-mata tidak dinamakan seorang intelektual. Demikian seorang jurutera, akauntan atau doktor bukan semestinya intelektual. Sebabnya ialah, ragam atau cara pemikiran yang mewatakan seseorang intelektual itu bukan sains atau teknologi, sebaliknya ideologi. Muslim *inteligensia* sebenarnya adalah kelompok masyarakat Islam yang berpendidikan di mana keterikatan mereka terhadap ideologi Islam tidak dipersoalkan lagi (Sardar, 1979, 67).

Pendapat mengenai Muslim intelektual turut dicirikan oleh Sardar dan hampir sama seperti yang diungkapkan oleh al-Attas iaitu “kelompok yang berminat membicarakan idea-idea abstrak (*mujarrad*), juga spesifik” (Sardar, 1988, 168). Muslim Intelektual ini bergerak di persada masyarakat dengan konsep, tanpa menimbulkan bentuk keraguan-keraguan dan kekeliruan. Mereka bergerak dalam lingkungan “*a world view*” yang ditafsirkan dengan baik melalui konseptual dan parameter etika di samping bukan bertujuan mencari kuasa sebaliknya pembaharuan. Mereka juga bukan sekadar mempunyai “*acquisitive and analytical minds*” atau minda pemerolehan dan menganalisa, tetapi juga minda yang bersifat kritikal, imaginatif dan kreatif, juga bersifat keterlibatan dan berubah (*transform*) (Sardar, 1988, 168).

Ciri-ciri yang disebutkan oleh para sarjana di atas tidak menggariskan perbezaan kelompok intelektual yang menguasai ilmu-ilmu wahyu dengan kelompok yang menguasai ilmu kealaman. Kedua-duanya di satukan dalam kumpulan intelektual Islam. Sememangnya tidak janggal untuk memasukkan golongan ‘ulama’ dalam kelompok intelektual kerana konotasi perkataan ‘ulama’ itu sendiri pada dasarnya mempunyai makna tersirat sebagai intelektual. Bagaimanapun menamakan semua intelektual sebagai ‘ulama’ masih boleh diperdebatkan lagi.

Memang terdapat pandangan yang memberi pengertian ‘ulama’ secara sinonim dengan pengertian intelektual Islam. Umpamanya, Hafiz Mahmud dalam *al-Siyāsah al-Usbu‘iyyah* lebih merujuk ‘ulama’, merangkumi semua golongan intelektual (*al-Nasā’i*, 1993, 22) Al-Sheikh Muhammad al-Ghazali, turut menggunakan perkataan ‘ulama’ dinisbahkan kepada para intelektual yang bukan mengkhusus dalam ilmu wahyu. Umpamanya, beliau menamakan intelektual dalam ilmu psikologi sebagai ‘*Ulamā’ al-Nafs* dan intelektual dalam disiplin ilmu pendidikan sebagai ‘*Ulamā’ al-Tarbiyyah* (*al-Ghazali*, 1992, 48).

Pada penulis, penggunaan kata ‘ulama secara sinonim dengan kata intelektual adalah kurang tepat. Alasan yang dapat diberikan ialah ada kalanya, penggunaan kata ‘ulama’ hanya sekadar merujuk kepada aplikasi pada sudut bahasa tetapi bukan pada segi istilah. Hal yang serupa dapat ditinjau terhadap penggunaan kata nama fiqh yang digunakan berbeza pada makna bahasa dan istilah. Tentulah makna pada sudut bahasa merangkumi pengertian yang lebih umum. Misalnya, makna pada pengertian bahasa, fiqh yang bermaksud *al-fahm* atau faham. Sedang pada pengertian istilah, fiqh bermaksud “mengetahui hukum-hukum berbentuk perbuatan yang diperolehi melalui dalinya yang terperinci” (*al-Zuhayli*, 1989, jil. i, 15) atau mengikut takrif Imam Abu Hanifah, Fiqh bermaksud “*pengetahuan ma‘rifah oleh seseorang tentang hak dan kewajipannya*” (*al-Zuhayli*, 1989, i, 15). Pengertian ini merupakan pengertian *al-fiqh al-akbar*, merupakan pengertian umum yang mencakupi aspek aqidah, akhlak, tasawwuf serta hukum-hukum *amaliyyah* (perbuatan) seperti sembahyang, puasa, berjual beli dan sebagainya (*al-Zuhayli*, 1989, i, 16).

Hal yang sama dapat disimpulkan di sini tentang pengertian ‘ulama’. Apabila pengertian ‘ulama’ disamakan pada pengertian bahasa dan istilah, tentulah ianya suatu yang janggal. Tetapi jika para penulis menggunakan kata ‘ulama’ dengan makna pada bahasa yang dimengertikan sebagai orang-orang yang mempunyai pengetahuan, tentulah penetapan ini boleh diterima. Dalam kata lain, adalah tidak menjadi masalah untuk menamakan setiap ilmuwan sebagai ‘ulama’ jika penulis bermaksud penggunaanya hanya pada aspek kegunaan bahasa bukan pada sudut istilah. Bagaimanapun jika diteliti, kata ‘ulama’ merujuk kepada makna pada bahasa perlu disandarkan kepada bidang atau disiplin ilmu tertentu. Misalnya ialah perkataan ‘ulama’ yang diguna pakai oleh Muhammad al-Ghazali dalam kitab *Kayfa Nata‘āmal ma‘a al-Qur‘ān* adalah merujuk kepada pengertian dari sudut bahasa. Kata ‘ulama’ ini tidak digunakannya melainkan dinisbahkan kepada bidang pengkhususan tertentu seperti kata ‘ulama’ yang dinisbahkan kepada *tarbiyah*, lalu menjadi susunan ayat, ‘*ulamā’ al-tarbiyyah* (*al-Ghazali*, 1992, 48). Sebaliknya jika kata nama ‘ulama’ itu disebut secara bersendirian, tanpa disandarkan kepada mana-mana nama lain maka penggunaan kalimah ‘ulama’ perlu difahami mengikut penggunaan pada makna istilah, iaitu golongan yang berpengetahuan dalam ilmu wahyu atau ilmu kealaman yang

bersumberkan ilmu syariah. Kata ‘ulama’ pada pengertian ini adalah juga dinamakan sebagai ‘*ulamā’ al-Dīn*. Manakala kata nama ‘ulama’ pada pengertian bahasa boleh disinonimkan maknanya dengan perkataan intelektual.

Ada kalanya kata nama intelektual bagi maksud kata nama ‘ulama’ pada pengertian bahasa tidak digunakan langsung melainkan dinisbahkan terus kepada disiplin ilmu mereka seperti kata nama failasuf atau hukama’. Kecuali jika mereka turut memiliki ilmu pengetahuan keagamaan atau ilmu syariah, barulah mereka juga disebut ‘ulama’. Umpamanya Ibn Rusyd yang selain sebagai ahli falsafah juga seorang ‘ulama’ fiqh. Demikian juga Imam al-Ghazali yang selain sebagai ahli falsafah juga ‘ulama’ fiqh, tasawwuf, kalam dan ahli ilmu kealaman (*Ensiklopedia Islam*, 1994, 121).

Kekeliruan tentang istilah ‘ulama’ ini tidak wujud pada zaman generasi awal Islam sehingga menjelang waktu proses sekularisasi ilmu oleh Barat. Sebabnya ialah, ilmuan Islam pada ketika itu berupaya menguasai kedua-dua bidang ilmu secara bersepadu sama ada ilmu kealaman, juga ilmu keagamaan. Pada ketika itu, tidak timbul maksud jahil dalam suatu cabangan ilmu. Ilmu kealaman pada ketika itu pun disaring dan dikembangkan menerusi pengetahuan dari al-Qur'an dan al-Sunnah itu sendiri.

Bagaimanapun kekeliruan tentang pengertian ‘ulama’ bermula selepas proses pengasingan ilmu atau sekularisasi ilmu oleh penjajah, iaitu menjelang abad ke-19M. Hal inilah yang telah menjarakkan lagi perbezaan ciri dan nama pada kedua-dua kelompok tersebut. Proses sekularisasi ini menyebabkan para intelektual Islam turut sekular dalam penguasaan ilmu-ilmu pengetahuan. Mereka mendalami ilmu *natural sciences* atau ilmu-ilmu dapatan, sebaliknya mereka jahil dengan ilmu-ilmu *religious sciences* atau ilmu-ilmu agama. Mereka banyak mempelajari ilmu warisan Barat, sebaliknya sedikit mempelajari warisan mereka sendiri iaitu ilmu Islam. Akhirnya, berlaku perubahan kepada mereka dalam pelbagai bentuk kerana terpesona dengan perubahan sosio-bodaya yang dibawa dari Barat seperti diungkapkan oleh Hanifi “.... *there lie many opportunities for startling unindividual transformations in the midst of rapid socio-cultural change*” (Hanifi, 1969, 97). Esposito mengesahkan bahawa proses sekularisasi Barat ini telah menyebabkan terjadinya penyusunan semula masyarakat Islam yang akhirnya turut menyekat fungsi dan peranan ‘ulama’. Misalnya, golongan pegawai perubatan profesional, pengamal undang-undang dan pentadbir tidak terdidik langsung dengan sistem pendidikan klasik - institusi agama - dan pengamalnya. Maknanya, penjajah Barat telah menampakkan sistem pendidikan Barat seumpama juga institusi agama (Esposito, 1995, 259). Penjajah berjaya mewujudkan golongan ilmuan Islam yang sekadar mahir dalam ilmu kealaman sahaja di mana golongan ini disebutkan oleh Sardar sebagai kelompok intelektual dalam ilmu *operational- knowledge* atau ilmu-ilmu operational kebaratan - fizikal, teknologi dan sosial (Sardar, 1979, 67).

Tentulah golongan ini tidak dapat dinamakan ‘ulama’ menurut pengertian istilahnya meskipun mereka mahir dalam ilmu kealaman. Ilwani,<sup>7</sup> penulis prakata *kitāb al-ilm*, telah menyebutkan bahawa nama ‘ulama’ yang menyamai makna saintis daripada perspektif Barat hanya digunakan kira-kira pada tahun 1840. Pada waktu itu pengertian ‘alim’ telah diterjemahkan sebagai orang-orang yang membahaskan masalah atau persoalan-persoalan berdasarkan ujikaji dan ketabi’ian. Ilmu telah ditafsirkan sebagai maklumat yang berdasarkan kepada pengalaman pancaindera dan ujikaji-ujikaji (al-Nasā’i, 1993, 21).

Beberapa alasan lain akan penulis disebutkan di sini untuk menunjuk perbezaan pengertian antara kedua-duanya. Alasan pertama adalah berdasarkan penjenisan ‘alim dan ilmu. Jika diteliti, makna ‘ulama’ dalam pengertian istilah merujuk kepada maksud ‘ulamā’ al-Dīn, iaitu ‘ulama’ yang menjadi penyambung risalah Nabi Muhammad s.a.w untuk menjelaskan syari’at Allah kepada manusia sejagat (Ibrāhīm Hilāl, t.t., 292). ‘Ulamā’ al-Dīn tidak dinisbahkan kepada semua golongan intelektual. Sebaliknya ia hanya mewakili golongan ilmuwan yang menguasai ilmu-ilmu keagamaan atau ilmu syariah sahaja dan bukan ilmu-ilmu dapatan yang tidak dikategorikan sebagai ilmu-ilmu syariah. Al-Zuhayli menjelaskan syariah sebagai:-

“setiap hukum yang disyariatkan (diperundangkan) oleh Allah kepada hambaNya sama ada melalui al-Qur'an atau al-Sunnah, sama ada ia berhubung dengan cara ber‘tiqad yang menjadi pengkhususan ilmu kalam dan ilmu tauhid, atau berhubung dengan amali (perbuatan) yang menjadi pengkhususan bidang ilmu fiqh” (al-Zuhayli, 1989, i, 18).

Sebaliknya ilmu-ilmu dapatan adalah bersumberkan akal atau intelek yang kebenarannya adalah nisbi. Manakala ilmu-ilmu syariah adalah ilmu yang berteraskan wahyu di mana kebenarannya adalah mutlak. Tentulah ilmuwan yang mahir ilmu-ilmu bertaraf nisbi tidak secocok untuk dikira sebagai pewaris para nabi seperti yang disabdarkan oleh Rasulullah s.a.w, berbunyi: العلماء ورثة الانبياء bermaksud; ‘Ulama’ itu pewaris para Nabi (Abū Dāud, al-Tirmizi dan Ibn Mājah).<sup>8</sup>

Alasan kedua, ilmu-ilmu wahyu adalah jenis ilmu yang paling mulia. Tidak ada

<sup>7</sup> Taha Jabir Alwani merupakan salah seorang Pengarah The International Institute of Islamic Thought (IIIT) yang berpengalaman di Amerika Syarikat dan ditubuhkan pada tahun 1981.

<sup>8</sup> Ibn Hibban dalam sahihnya juga meriwayatkan hadith ini menerusi hadis Abi Dardā' seperti yang disebutkan oleh al-Iraqi. Al-Sakhawī dalam *al-Maqāṣid* menyebutkan hadith ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Abū Dāud dan Tirmizi dari Abi Dardā' dengan menambah hadith yang berbunyi

ان العلماء لم يورثوا دينارا ولا درهما انما ورثوا العلم

Hadith ini disahihkan oleh Ibn Hibban dan Hākim, manakala Hamzah al-Kannāñī meletakannya pada taraf hasan. Al-Zubaidi (m. 1205 H) dalam kitab *Iḥṭāf Sadāt al-Muttaqīn* menguraikan lebih lanjut tentang hadith ini. Lihat al-Zubaidi 1989, 106.

ilmu setarafnya. Menurut al-Qannūji, antara sebab ilmu ini dikira bertaraf paling mulia adalah kerana pertama; ilmu ini diberi pahala apabila mengajarkannya atau mempelajarinya, berfatwa dengan hujahan-hujahannya, menghukum dengan berdalilkannya atau mengarang serta menerangkannya kepada orang ramai. Kedua; ilmu ini akan mengikuti pengamalnya selepas pemiliknya itu meninggal seperti sabda Nabi ﷺ او علم ينتفع به<sup>9</sup> (al-Qannūji, 1978, 136). Meskipun ilmu akal atau dapatan juga adalah mulia di sisi Islam tetapi status dan martabat kedua-duanya tetap berbeza (al-Qurtubi, t.t. 39). Golongan yang menguasai ilmu ini juga tentulah golongan yang mempunyai darjat dan kelebihan paling tinggi kerana menguasai ilmu yang paling tinggi. Golongan inilah yang dipanggil ‘ulama pada sudut aplikasi konsep istilahnya.’

Alasan Ketiga; Golongan ‘ulama’ adalah wali-wali Allah atau pemelihara agama. Imam al-Shafi‘i r.a pernah berkata، اذا لم يكن العالم العامل ولها فما لله ولها bermaksud “Jika orang ‘alim yang beramal itu bukan (merupakan) wali Allah maka tiadalah wali bagi Allah” (al-Qannūji, 1978, 136). Jika kita mengandaikan bahawa semua intelektual Islam itu adalah ‘ulama’ maka kita juga mesti mengatakan bahawa semua mereka juga adalah wali Allah. Tentulah kesimpulan ini adalah salah sebab para wali Allah merupakan golongan yang tetap melaksana dan memahami semua perintah Allah. Sedang perintah Allah tidak akan dapat difahami melainkan jika dapat memahami al-Qur'an dan al-Sunnah terlebih dahulu. Persoalannya, jika diteliti, ramai intelektual Islam yang tidak dapat memahami dan menafsir al-Qur'an dengan baik. Tentulah mereka ini tidak boleh menafsir dan memahami maksud al-Qur'an dan al-Sunnah dengan tepat dan sudah tentulah mereka ini juga bukan merupakan wali Allah. Ringkas kata, ‘ulama’ yang menjadi wali Allah adalah ‘ulama’ yang pada dasarnya dapat menguasai ilmu syariah dan menyibarkan ilmu tersebut di atas muka bumi ini. Mereka inilah ‘ulama’ yang merupakan pewaris para nabi.

Alasan keempat, jika ‘ulama’ mesti juga menguasai ilmu-ilmu dapatan maka para sahabat Nabi dan para tabiin dan generasi selepasnya tentulah bukan ‘ulama’, kerana mereka tidak berpengetahuan tinggi dengan menguasai ilmu-ilmu dapatan. Ini berdasarkan sabda Nabi نحن أمة لانكتب ولا نحسب bermaksud “kami umat yang ummi, tidak tahu menulis dan mengira”. (Ibid, 1978,135) seperti juga hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar, berbunyi، انا امة لا نكتب ولا نحسب Bermaksud “Sesungguhnya kami merupakan umat yang ummi, kami tidak tahu membaca dan menulis” (Riwayat Bukhārī dan Muslim)<sup>10</sup> Menurut al-Zubaidi

<sup>9</sup> Hadith ini berbunyi

اذا مات ابن ادم انقطع عمله الا من ثلات صدقة جارية او علم ينتفع به او ولد صالح يدعوه (Riwayat Muslim). Lihat (al-Nawawi, 1085, 983).

<sup>10</sup> Untuk makluman lanjut tentang perbahasan mengenai persekitaran hadith ini, lihat (al-Zubaidi, 1989, jil 1, 231).

(1145-1205 H/1732-1791M) yang lebih dikenali sebagai Abu al-Faïd di dalam Syarah *Kitāb Ithāf Sādat al-Muttaqīn*, *ummi* juga adalah merujuk kepada masyarakat Arab yang pada ketika itu kebanyakannya tidak tahu membaca dan menulis (al-Zubaidi, 1989, I, 231). Kenyataan ini disokong dengan ayat Al-Qur'an sendiri (bermaksud):

*"Dialah yang mengutus dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari I'tiqad yang sesat) serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Qur'an) dan Hikmah. (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) Dan sesungguhnya mereka sebelum kedatangan Nabi Muhammad itu adalah dalam kesesatan yang nyata." (Maksud Surah al-Jumu'ah; 2)*

Ibn Kathir (700-774 H-1301-1373M) menegaskan perkataan *ummi* dalam ayat di atas merujuk kepada masyarakat Arab yang umumnya adalah *ummi* (buta huruf) meskipun wujud segelintir golongan yang tahu membaca dan menulis (Ibn Kathir, t.t, iii, 497).

Tafsiran yang merujuk maksud *ummi* kepada masyarakat Arab sebagai golongan jahil mengenai syariat Allah semata-mata dan menolak untuk menafsir sebagai buta huruf tentang bacaan dan penulisan pada ayat di atas, boleh dipersoalkan lagi. Sebabnya, dalam ayat yang lain Allah sendiri menamakan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi yang *ummi* dengan maksud beliau tidak tahu membaca dan menulis dan bukan bermaksud beliau jahil mengenai syariat Allah. Firman Allah yang bermaksud "..... iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.'a.w) Nabi yang *ummi*,....." (al-Qur'an, al-A'rāf; 7, 157).

Tentulah pengertian yang berbeza antara perkataan *ummi* yang ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan perkataan *ummiyyin* yang ditujukan kepada masyarakat Arab ketika itu adalah tidak lojik, kerana perbezaan erti seperti itu tidak dilakukan pada sudut asal bahasa mahupun daripada sudut jalan bahasa al-Qur'an itu sendiri. Malah apabila terdapat perkara seperti ini, ia perlu ditafsirkan dengan satu makna bukannya dua makna yang berlainan. Daripada keterangan ini dapat disimpulkan Nabi Muhammad s.a.w adalah Nabi yang *ummi* kepada orang Arab yang jahil atau *ummiyyin*.

Kenyataan yang sedemikian diperincikan oleh Subhi Ṣāliḥ sebagai berikut:-

*"..... ummiyyin yang dimaksudkan ialah orang Arab yang tidak tahu menulis dan membaca. Maksud ini tidak keterlaluan kerana memandangkan terdapatnya sebilangan besar daripada kalangan mereka yang buta huruf. Tetapi sebaliknya, yang dikatakan keterlaluan ialah dakwaan kononnya terdapat ramai orang Arab yang pandai menulis dan membaca dan terdapat*

banyaknya alat-alat tulis ketika itu. Begitu juga dengan anggapan yang mengatakan bahawa masyarakat Arab tidak jahil dalam bidang penulisan dan bacaan, tetapi jahil tentang syariat Allah. Tidak ada seorang pun daripada kalangan pengkaji memberikan dalil bagi menguatkan pendapat yang cetek ini” (Salih, 1993, 16).

Demikian juga, kehidupan yang bersifat *ummi* dan badwi adalah merupakan kehidupan masyarakat kota Mekah dan Madinah ketika itu. Watt menggambarkan keadaan ini sebagai berikut:

“The Meccans had retained the attitudes and social institutions appropriate to the life of the nomad in the desert, such as blood-feuds and clan solidarity. Even if they had not been pure nomads for some time, they had remained sufficiently close to the desert to have preserved much of its outlook.”  
(Watt, W.M, 1961, 48-49).

Tentulah masyarakat Arab yang bersifat *ummi* dan badwi sedemikian tidak mampu mengembang ilmu-ilmu falsafah dan kealaman yang tinggi sebelum kedatangan dan penurunan al-Qur'an. Namun demikian, apabila Nabi Muhammad diutuskan kepada kaumnya mengajarkan al-Qur'an, situasi masyarakat Arab mula berubah dengan kelahiran para ilmuan terkenal. Wajarlah ditegaskan bahawa penghapusan sifat *ummi* ini adalah kerana ilmu-ilmu daripada al-Qur'an dan penguasaan mereka terhadap ilmu-ilmu ini. Demikian lagi, makna mengajar di dalam Surah al-Jumu'ah ayat dua bermaksud memahami ilmu al-Qur'an dan al-Sunnah (Sa'id Hawwa, 1985, 10; 5901) dan bukan merujuk kepada pengetahuan dalam bidang-bidang ilmu yang lain seperti ilmu-ilmu falsafah dan ilmu-ilmu kealaman.

Dapat dirumuskan bahawa keadaan masyarakat Arab mula berubah daripada keadaan buta huruf (*ummi*) dan badwi ini setelah mereka mula mempelajari ilmu-ilmu dalam al-Qur'an. Maknanya, gelaran ‘ulama’ kepada generasi ini bukan didasarkan kepada penguasaan mereka yang tinggi dalam ilmu kealaman. Sebaliknya, gelaran ini diberikan kerana ketinggian pengetahuan mereka mengenai al-Qur'an dan ilmu-ilmu di dalamnya. Generasi sahabat dan tabi'in inilah yang digelar sebagai ‘ulama’ salaf.

Alasan kelima, ‘ulama’ mestilah dari kalangan *ahl al-khashyah*. Ini berdasarkan firman Allah: ﴿أَنَّمَا يَخْشِيُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ﴾ (al-Qur'an; 35, 28). Al-Kadiri sendiri mengakui bahawa ‘ulama’ adalah *ahl al-khashyah* (orang yang sentiasa takut kepada Allah) yang disebutkan sebagai ﴿يَوْءِثُونَ الْآخِرَةَ عَلَى الدُّنْيَا﴾ iaitu “mereka mengutamakan (kehidupan) akhirat daripada (kehidupan) di dunia, mengutamakan Allah Ta'ala daripada diri mereka sendiri” (al-Kadiri, t.t, 92). Jelaslah, sifat ‘ulama’ ialah ketakutan mereka kepada Allah. Tanpa sifat ini tiadalah pengertian ‘ulama’. Ibn Mas‘ud pernah menyebutkan, “bukan disebut berilmu kerana banyak hadith tetapi berilmu itu disebabkan khashyah atau takut kepada Allah” (Ibn Manzur, 1992, 370).

Meskipun pengklasifikasian ‘ulama’ kepada ‘ulamā’ al-*Sū* dan ‘ulamā’ al-Ākhirah (al-Ghazali, t.t., I, 58-78) menunjukan bahawa terdapat ‘ulama’ yang engkar dan tidak takutkan Allah, tetapi asas dakwaan ini bukannya tentang penjenisan ilmu. Dalam kata lain, jenis ilmu yang dipelajari dan diajar oleh ‘ulama’ tetap jenis ilmu yang boleh menimbulkan rasa ketakutan kepada Allah. ‘Ulama’ yang menyalahgunakan ilmu tersebut sahaja yang menyebabkan perasaan takut terhadap Allah boleh hilang. Namun jenis ilmu ini tetap dapat menimbulkan perasaan takut kepada orang lain meskipun memperolehi ilmu daripada orang yang menyalahgunakan ilmu tersebut. Jelaslah bahawa jenis ilmu yang dituntut oleh ‘ulama’ adalah jenis ilmu yang boleh menimbulkan perasaan takut kepada Allah meskipun perasaan tersebut boleh hilang jika disalahgunakan. Tentulah ‘ulama’ yang benar adalah ‘ulama’ akhirat atau dinamakan juga sebagai ‘ulamā’ al-*Dīn*. Ibrāhīm Hilāl menjelaskan rupa bentuk ‘ulama’ ini sebagai berikut;

“..... apabila Allah membuka (memberikan) kepada mereka ilmu pengetahuan, mereka beramat dengan anugerah tersebut, menyebarkan kepada manusia, memberi petunjuk kepada hamba-hamba ke arah jalan yang disyariatkan Allah dan menjalankan tugas amar maafur, nahi mungkar. Ini merupakan suatu martabat yang terbesar, berkedudukan yang mulia dan kerana itulah mereka disebutkan sebagai pewaris para nabi” (Hilāl, t.t, 291).

Alasan keenam; mereka adalah penyelamat penduduk bumi daripada kemunculan kiamat. Sebab, terjadi kiamat dikaitkan dengan tercabutnya ilmu. Selagi ada ‘ulama’, selagi itu ilmu agama akan sentiasa wujud. Apabila ilmu agama dan keberkatannya hilang berlakulah kiamat. Nabi Muhammad s.a.w bersabda;

*“Bahawasanya Allah tidak akan mencabut ilmu itu dengan sekali cabut daripada hamba-hambanya, tetapi tercabutnya ilmu dengan dimatikan para ‘ulama’, sehingga apabila tiada lagi tertinggal orang alim, manusia pun mengambil orang-orang jahil sebagai tempat bertanya, maka ditanya, maka mereka berfatwa secara jahil, maka sesatlah mereka dan sesatlah orang-orang yang mendengar fatwa mereka.”* (Hadith riwayat Bukhārī dan Muslim).<sup>11</sup>

Hadith di atas menjelaskan penjenisan ilmu yang akan semakin hilang menjelang kiamat. Jika ilmu tersebut ilmu kealaman, ianya bercanggah dengan realiti sekarang di mana ilmu-ilmu kealaman terus-menerus berkembang luas dari semasa ke semasa. Tentunya hadith tersebut memaksudkannya, ilmu keagamaan yang keberkatannya telah hilang. Kesimpulannya, golongan yang dimatikan itu merupakan ‘ulama’ yang beramat, ‘ulama’ yang takut kepada Allah dan merupakan wali Allah yang memikul beban sebagai pemelihara ilmu agama.

<sup>11</sup> Lihat *al-Bukhārī*, jil.1, 30.

Memang terdapat ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara pengertian ‘ulama’ dengan intelektual. Pada sudut persamaannya, ‘ulama’ dan intelektual merangkumi kelompok yang berilmu pengetahuan tinggi yang topik perbicaraan mereka adalah idea-idea abstrak dan bukan bersifat benda. Manakala dari segi perbezaannya, istilah ‘ulama’ lebih bertunjangkan ilmu pengetahuan “kewahyuan” dengan bermatlamatkan *khashyah*. Manakala istilah intelektual adalah berasaskan ilmu pengetahuan yang kadang-kadang bersumber wahyu dan kadang-kadang pemikiran semata-mata. Justeru itu, ketegasan yang boleh dibuat ialah semua ‘ulama’ adalah inelektual tetapi tidak semua intelektual itu adalah ‘ulama’. Kedua-dua istilah ini mempunyai pengertian yang sama dari segi bahasa tetapi berbeza dari segi istilah. Sebab itu adalah tidak tepat untuk menamakan kata ‘ulama’ sebaris dengan kata intelektual kerana menyamakan keduanya bermakna membawa kepelbagaian identiti mereka ke dalam satu acuan yang sama.

Kesimpulannya, ‘ulama’ adalah orang-orang yang memiliki pengetahuan serta pendidikan tinggi dalam ilmu agama ‘ilm manqūl’ atau ilmu kealaman ‘ilm ma‘qūl’ yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah dan boleh menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil, berasaskan pengetahuan dan *thābit*. Ilmu pengetahuan yang dimilikinya itu mestilah pula dipergunakan untuk menghantarkannya kepada rasa *khashyah* (takut dan tunduk) kepada Allah. Demikian juga, adalah tidak benar untuk menamakan setiap intelektual itu sebagai ‘ulama’ meskipun kedua-duanya mempunyai beberapa persamaan. Malah dapat ditegaskan disini, ‘ulama’ adalah intelektual tetapi intelektual bukan semestinya ‘ulama’. Bagaimanapun dalam memahami pengertian ‘ulama’, bagi masyarakat Islam di Indonesia dan Tanah Melayu (Malaysia) mereka berpendapat ‘ulama’ adalah seorang yang berilmu pengetahuan tinggi dalam ilmu agama serta mempunyai beberapa ciri dan kriteria tertentu seperti yang disebutkan sebelum ini.

## RUJUKAN

### Bahasa Melayu

*Ensiklopedia Islam*, (1994) Jakarta, T Ichtiar Baru Van Hoeve, Jil 5.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (1994) *Konsep Ilmu dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sālih, Subhi, (1993) *Ilmu Hadith, Satu Pengenalan dan Kajian* (Ter: Ariffin Omar & Mohd. Nor Ngah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sudjoko Prasodjo, M. Zamroni, M. Mastuhu, (1982) *Profil Pesantren Laporan Hasil Penelitian Pesantren al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor*, Lembaga Penelitian Pendidikan, Perancangan Ekonomi dan Sosial (LPPPES), Jakarta Barat.

al-Zuhaylī, Wahbah, (1994) *Fiqh dan Perundangan Islam*, (ter: Syed Ahmad Syed Hussain et al.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, jil 1.

### Bahasa Arab

- ‘Abd al-Latīf, ‘Abd al-Maujūd Muhammad, (1990) *al-Sunnah al-Nabawīyah baina Du‘āt al-Fitnah wa Ad‘iyā al-‘Ilm*, al-Qāhirah: Dār al-Tibā‘ah al-Muhammadiyah.
- Al-‘Ajili, Sulaiman Ibn ‘Umar, *al-Futūhāt al-Ilāhiyyat: Taudīh Tafsīr al-Jalālāin*, Mesir: Dār al-Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyāt, t.t.
- Ba‘lbaki, Rohi, *al-Maurid*, (1995) Beirut: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn.
- Al-Bustānī, Fu‘ād Ifrām (1956) *Munjid al-Tullāb*, Beirut: Dār al-Masyriq.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā‘ Ulūm al-Dīn*, Beirut: jil 1, Dār al-Ma‘rifah, t.t..
- Al-Ghazālī, Muḥammad, (1992) *Kayfa Nata‘āmal ma‘a al-Qur’ān*, Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālamī Li al-Fikr al-Islāmī.
- Hawa, Sa‘id, (1985) *al-Asās fī al-Tafsīr*, Qahirah: Dār al-Salām, jil.10.
- Ibrāhīm, Ibrāhīm Hilāl, *Wilāyat Allah al-Tariq ilaihā*, Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, t.t .
- Al-Iji, ‘Abdul Rahmān ibn Ahmād, *al-Mawāqif fi ‘Ilm al-Kalām*, Beirut: ‘Ālam al-Kitāb, t.t.
- Al-Kannāni, Badruddin Ibn Jama‘ah, *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī adāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah. t.t.
- Khalāh, Umar Rida (1994) *Mu‘jam al-Muallifīn*, Juz 11, Beirut: Mu‘assasat al-Risālat.
- Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Jīlī, t.t.
- Ibn Manzūr (1992), *Mu‘assasah al-Tārīkh al-‘Arabi*, Jil. 7, Beirut: Muassasah al-Tārīkh al-Arabi.
- Al-Nasā‘i, Ahmād Ibn Syu‘āib (1993) *Kitāb al-‘Ilm*, Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālamī Li al-Fikr al-Islāmī.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Ibn Yahya Ibn Syaraf (1994) *Kitāb al-‘Ilm wa Adāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, (tahqiq: Abdullah Badrān), Dār al-Khair.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Ibn Yahya Ibn Syaraf (1985) *Nuzhāt al-Muttaqīn Sharḥ Riyād al-Sālihin*, Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Qanbar, Abu Bisir ‘Amru Ibn ‘Uthman, *Kitāb Sibawāih*, (Tahqiq: ‘Abdul Salām Muḥammad Harun), Juz. 1, Beirut: Dār al-Jīl, t.t.
- Al-Qannūjī, Siddiq Ibn Ḥasan, (1978) *Abjād al-‘Ulūm*, Jil 1, Damsyiq: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Aplikasi Konsep ‘Ulama’ dan Intelektual: Satu Penilaian Kritis

- Al-Qāsimī, Muhammad Jamaluddin, (1987) *Qawā‘id al-Tahdīth min Funūn Muṣṭalah al-Hadīth*, Beirut: Dār al-Nafā‘is.
- al-Qurtubi, Abu ‘Umar Yusuf Ibn ‘Abd al-Barr al-Namari, *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadlihi*, juzuk 1, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Qutb, Sayyed (1986), *Fi Zilāl al-Qur’ān*, jil 5, Beirut: Dār al-Syurūq.
- Al-Rāzī, Abu Bakr Ibn ‘Abd al-Qādir (1989) *Mukhtār al-Sīḥah*, Beirut: Maktabah Lubnān.
- Al-Sabūnī, Muhammad ‘Ali, (1989) *Safwat al-Tafāṣīr*, Qahirah: Dār al-Sabūnī, Jil.2.
- Al-Sarbaşı, Ahmad, *Yas‘alūnaka fī al-Dīn wa al-Hayāt*, Beirut: Dār al-Jīl, t.t
- Al-Sayūti, Jalaluddin ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr, (1985) *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, (Tahqīq: Ahmad ‘Umar Hasyim) Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah.
- Al-Sayūti, Jalaluddin Abd al-Rahman, *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, al-Qahirah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.
- Shalabi, Muhammad Muṣṭafa.(1985), *al-Madkhal fī al-Ta‘rīf bi al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah
- Al-Sibā‘i, Muṣṭafa (1985) *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyī‘ al-Islāmī*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Tabārī, Abu Ja‘afar Muhammad Ibn Jarīr, *Mukhtaṣar Tafsīr al-Tabārī*, Jil 2, (tahqīq: Muhammad ‘Ali al-Sabūnī dan Saleh Ahmad Reda), Dār al-Sabūnī, t.t.
- Al-Tibrizi, Waliy al-Dīn (1979), *Misykāt-ul-Masābiḥ*. Terjemahan Bahasa Inggeris oleh Abdul Hameed Sidiqqiu:Lahore: Islamic Publications.
- Wajdi, Muhammad Farīd, (1971) *Dā’irah Ma‘ārif al-Qarn al-‘Ishrīn*, Beirut: Jil.6, Dār al-Ma‘rifah.
- al-Zubaidī, Muhammad Ibn Muhammad al-Husainī, (1989) *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn bi Syarh Iḥyā‘ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah jil 1.
- al-Zuhaylī, Wahbah (1989) *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Damsyiq: juz 1, Dār al-Fikr, ms. 36, 41 dan 45.

### Bahasa Inggeris

- Ahmed, al-Haj Moinuddin, (1990) ‘Ulama’, *The Boon and Bane of Islamic Society*, New Dehli, Kitab Bravan.
- Al-‘Attas, Syed Muhammad Naquib, (1993) *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-‘Attas, S. Hussein (1977) *Intellectuals in Developing Societies*, London: Frank Cass.

- Badawi, Zaki (1986) *A Dictionary of the Social Sciences*, Beirut: Librairie Du Liban.
- Classe, Cyril (1989) *The Concise Encyclopedia of Islam*, London: Stacey International.
- Eliade, Mircea (1987) *The Encyclopedia of Religion*, Vol 7 & 15, New York: MacMillan Publishing Company.
- Esposito, John L. (ed. Cheir) (1995) *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, New York: Oxford University Press, Vol. 4.
- Gibb H.A.R. and J.H. Kramers (1995) *Shorter Encyclopedia of Islam*, New York: Tuta Subaegide Pallas.
- Mautner, Thomas (1996) *A Dictionary of Philosophy*, London: Blackwell Reference.
- Nasr, Sayyed Husain (1978) *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*, Great Britain: Thames and Hudson.
- Sardar, Ziauddin “Reformist Ideas and Muslim Intellectuals, the Demands of the Real World”, dalam *Today’s Problems, Tomorrow’s Solutions*, (1988) (ed: Abdullah Omar Naseef) London and New York: Mansell Publishing Limited.
- Sardar, Ziauddin, (1979) *The Future of Muslim Civilization*, London: Croom Helm.
- Watt, W.M, (1961), *Muhammad, Prophet and Statesman*, London: Oxford University Press.

### Kertas Kerja

- Sahri Bahri, Abdul Rahman Omar dan Mahfudz Md. Zan, “The Preparation and Role of Muslim Intellectuals in the Development of the Ummah” dalam *International Seminar on Islamic Philosophy and Science*, Penang: 30 May-2 Jun 1989.
- Harussani Zakaria, “Professionalisme ‘Ulama’ dalam Pengurusan Negara”, dalam *Kongres Kebangsaan Dinamisme ‘Ulama’ Menghadapi Abad Baru*, IKIM, Kuala Lumpur, 25-27 Julai, 1997.

### Dissertasi dan Tesis

- Hanifi, Muhammad Jamil (1969), *Islam and the Transformation of Culture*, Illinois: Illinois University, Ph.D Dissertation, 1969.